



## JABATAN MUFTI JOHOR

### GARIS PANDUAN TATACARA PENGURUSAN JENAZAH PESAKIT COVID-19 NEGERI JOHOR

#### 1. TUJUAN

Garis panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Pesakit Covid-19 Negeri Johor bertujuan sebagai suatu langkah bagi mengelakkan virus wabak Covid-19 berjangkit dan tersebar ketika pengurusan jenazah pesakit Covid-19.

#### 2. ARAHAN PEMATUHAN

Mengambil kira keadaan semasa penularan wabak Covid-19 dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), setiap petugas yang bertanggungjawab menguruskan jenazah pesakit Covid-19 hendaklah mematuhi semua garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengelakkan sebarang jangkitan sebagaimana keputusan muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bertarikh 15 Mac 2020 dan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bertarikh 16 Mac 2020.

#### 3. PETUGAS PENGURUSAN JENAZAH

Petugas pengurusan jenazah Covid-19 hendaklah diketuai oleh Pemandi Jenazah Pejabat Kadi Daerah dengan dibantu dan dipantau oleh Pejabat Kesihatan Daerah.

#### **4. TINDAKAN SEBELUM MENTAJHIZ JENAZAH**

- 4.1 Pihak hospital akan menghubungi waris bagi tujuan membuat pengecaman mayat;
- 4.2 Pihak Pejabat Kesihatan Daerah hendaklah memastikan mayat yang hendak ditajhiz oleh pemandi jenazah telah diuruskan dengan sempurna mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- 4.3 Pemandi Jenazah dan Petugas Tanah Perkuburan hendaklah menggunakan kelengkapan PPE (*personal protective equipment*) sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah.
- 4.4 Pemandi jenazah hendaklah menyediakan peralatan sebagaimana berikut:
  - i. Kain kafan tiga helai
  - ii. Debu tayammum
  - iii. Pakaian ganti selepas menguruskan jenazah.
- 4.5 Pihak waris hendaklah mendapatkan permit pengkebumian jenazah daripada Unit/Jabatan Perubatan Forensik di hospital.

#### **5. TANGGUNGJAWAB PETUGAS YANG MENGURUSKAN JENAZAH COVID-19**

- 5.1 Pemandi Jenazah hendaklah menggunakan kelengkapan PPE (*personal protective equipment*) sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah;
- 5.2 Jumlah petugas yang menguruskan jenazah adalah mengikut jumlah yang bersesuaian pada ketika itu dan ditentukan oleh Pejabat Kesihatan Daerah;
- 5.3 Pengurusan jenazah dilakukan di tempat yang dikhaskan seperti bilik mayat hospital;
- 5.4 Elakkan menyentuh jenazah tanpa menggunakan lapik atau sarung tangan;

- 5.5 Tidak membenarkan mereka yang tidak berkenaan termasuk waris masuk ke tempat pengurusan jenazah;
- 5.6 Tempat dan peralatan yang digunakan semasa menguruskan jenazah hendaklah dibersihkan mengikut prosedur yang betul; dan
- 5.7 Setelah selesai urusan menguruskan jenazah tersebut, petugas di hospital dan di tanah perkuburan hendaklah segera mandi dan menukar pakaian yang telah digunakan.

## **6. KAEDAH MENTAJHIZ JENAZAH COVID-19**

Semua proses mentajhiz jenazah Covid-19 (memandikan jenazah, mengkafankan jenazah, solat jenazah dan pengkebumian jenazah) perlu diselia oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) dari Pejabat Kesihatan Daerah.

### **6.1 Memandikan jenazah**

- i. Pastikan jenazah berada di dalam beg jenazah Covid-19 yang disediakan oleh pihak Hospital;
- ii. Memandikan jenazah Covid-19 memadai dengan kaedah tayammum;
- iii. Niat tayammum ke atas jenazah;
- iv. Menyapu debu tayammum di atas beg jenazah Covid-19 sekira-kira di bahagian muka dan tangan jenazah.

### **6.2 Mengkafankan Jenazah**

- i. Jenazah dikafankan di atas beg jenazah Covid-19 (iaitu dikafan bersekali dengan beg jenazah Covid-19);
- ii. Jenazah hendaklah dikafankan dengan tiga lapisan kain kafan.

### 6.3 Solat Jenazah

- i. Solat jenazah Covid-19 hendaklah dilakukan di Hospital;
- ii. Solat jenazah hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya seorang petugas;
- iii. Jarak di antara jenazah dengan imam adalah satu meter, begitu juga jarak antara imam dan makmum serta sesama makmum;
- iv. Bacaan doa selepas solat jenazah dilakukan secara ringkas.

### 6.4 Pengkebumian Jenazah

- i. Pengkebumian jenazah hendaklah dilaksanakan oleh petugas tanah perkuburan;
- ii. Petugas tanah perkuburan hendaklah memakai pakaian *Personal Protective Equipment* (PPE) atau pakaian perlindungan diri;
- iii. Jumlah petugas yang menguruskan jenazah adalah mengikut jumlah yang bersesuaian pada ketika itu dan ditentukan oleh Pejabat Kesihatan Daerah;
- iv. Sebaik-baiknya pengkebumian hendaklah menggunakan keranda bagi mengelakkan petugas kubur dari bersentuhan dengan jenazah;
- v. Petugas hendaklah menurunkan jenazah ke dalam liang lahad dengan menghadapkan muka jenazah ke arah kiblat tanpa membuka apa-apa ikatan pada kafan jenazah;
- vi. Menyegerakan mengambus tanah liang perkuburan.
- vii. Bacaan talkin boleh dibaca dengan kaedah yang ringkas.

## **7. PERINGATAN**

- 7.1 Semua petugas pengurusan jenazah hendaklah mengutamakan keselamatan diri daripada jangkitan.
- 7.2 Semua petugas hendaklah mematuhi prosedur (S.O.P) pihak hospital dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 7.3 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) hendaklah memastikan segala peralatan, pakaian dan kenderaan jenazah yang digunakan sepanjang pengurusan jenazah Covid-19 dibersihkan dan dinyahkuman mengikut prosedur yang betul.
- 7.4 Waris-waris hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya dengan mematuhi segala peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak hospital dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 7.5 Sekiranya kematian seseorang yang disyaki akibat jangkitan Covid-19 berlaku di rumah, maka waris hendaklah segera merujuk kepada pihak Polis, Pejabat Kesihatan Daerah atau hospital untuk mendapatkan panduan dan khidmat nasihat.

## **8. PENUTUP**

Adalah diharapkan garis panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Pesakit Covid-19 Negeri Johor ini dapat dijadikan panduan sebaiknya oleh petugas-petugas dan waris jenazah Covid-19. Ini bagi memastikan tuntutan fardu kifayah ini dapat dilaksanakan dengan sempurna serta mengelakkan sebarang jangkitan dan penularan virus ketika menguruskan jenazah pesakit Covid-19.

Disediakan oleh :  
JABATAN MUFTI JOHOR

Bertarikh: 2 Sya'ban 1441 Hijriah  
Bersamaan 27 Mac 2020 Miladiah